

# Malaysia bantah isytihar Arafat 'persona non grata'

BH 15 JUL 2002

PUTRAJAYA, Ahad - Malaysia membantah tindakan Amerika Syarikat mahu mengisytiharkan pemimpin Palestin, Yasser Arafat sebagai *persona non grata* (individu yang tidak dikehendaki).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata tindakan terhadap Arafat itu tidak masuk akal kerana Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon, yang bertanggungjawab terhadap pembunuhan ramai rakyat Palestin pula dianggap sebagai Pen cinta Keamanan.

"Saya tak setuju nak isytiharkan pemimpin

orang lain sebagai *persona non grata*, sedangkan pemimpin seperti Ariel Sharon, pembunuh begitu ramai orang, diterima sebagai *Man of Peace*.

"Saya tak faham macam mana boleh ada perbezaan antara Sharon dan Arafat. Kalau Arafat tak boleh diterima, Sharon juga tak boleh diterima," katanya pada sidang akhbar selepas majlis penghargaan Le Tour de Langkawi 2002 dan pelancaran Le Tour de Langkawi 2003 di Hotel Marriot Putrajaya, di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan agensi berita asing bahawa Setiausaha Negara

Amerika, Colin Powell, hampir pasti mengisytiharkan Arafat sebagai *persona non grata* dan menolak gesaan pemimpin Palestin itu supaya pendudukan semula Israel terhadap beberapa bandar di Tebing Barat sejak tiga minggu lalu dihentikan.

Semalam, jurucakap Jabatan Negara, Richard Boucher, berkata Arafat ada mengutus surat menggariskan perubahan yang sedang diambilnya kepada Powell tetapi Setiausaha Negara Amerika itu tidak bercadang membalasnya.

Presiden Amerika,

George W Bush, sebelum ini secara terbuka menuntut Arafat disingkirkan dan menyatakan pentadbirannya tidak akan berurusan dengan Arafat sekali pun beliau menang pada pilihan raya Palestin akan datang.

Bush menyifatkan Arafat sebagai penghalang kepada proses damai Israel-Palestin walaupun rejim Yahudi itu terus bertindak ganas membunuh rakyat Palestin.

Bagaimanapun, Kesatuan Eropah, Russia dan Britain enggan menyokong dasar Bush mengenai Arafat.